

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI**  
**NASARAH**  
**KAWASAN : LENGGONG**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH (LENGGONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada cadangan Kementerian untuk melebarkan keseluruhan jalan persekutuan daripada utara ke selatan Semenanjung Malaysia supaya menjadi alternatif kepada Lebuhraya Utara Selatan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk menaik taraf jalan-jalan persekutuan utama di Semenanjung Malaysia kepada laluan 4 lorong 2 hala.

Ini termasuklah Jalan Persekutuan 1 (FT01) dan 5 (FT05) yang menghubungkan utara dan selatan Semenanjung. Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut senarai keutamaan dalam setiap Rancangan Pembangunan 5 Tahun Kerajaan. Ini kerana ia melibatkan implikasi kos kewangan yang tinggi, iaitu bagi menaik taraf 80% daripada hampir 900km jarak keseluruhan FT01 dan FT05 yang masih belum lagi dinaik taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala.

Namun demikian Kerajaan dalam masa yang sama sentiasa mencari kaedah terbaik untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Sehubungan itu, Kerajaan telah meluluskan projek membina Lebuhraya Pantai Barat (WCE) melibatkan fasa pembinaan dari Taiping ke Banting. Jajaran WCE sepanjang 316km ini hampir selari dengan Lebuhraya PLUS dan akan menjadi laluan alternatif kepada para pengguna, khususnya dari arah kawasan pesisiran pantai Perak dan Selangor.

Perjanjian Konsesi Lebu Raya Pantai Barat ini telah ditandatangani pada bulan Januari 2013 dan pelaksanaan projek ini dijangka akan mengambil masa selama 60 bulan untuk disiapkan.

Sekian, terima kasih.